

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

PLG 123 - Pengantar Paduan Kepada Pengajaran

Masa : [ 3 jam ]

---

Jawab SEMUA soalan. Anda digalakkan menjawab setiap soalan dalam masa 35 minit. Mulakan setiap jawapan pada helaian yang baru.

1. [a] Lukiskan Model Operasi Pendidikan bersepadu dalam KBSM.

[b] Pilih salah satu matapelajaran teras dalam KBSM dan terangkan bagaimana anda akan menerapkan nilai-nilai berikut;

- (i) baik hati
- (ii) berkasih sayang
- (iii) bersikap adil

[ 20 markah ]

2. Pengetahuan ilmu-ilmu falsafah, psikologi, dan sosiologi pendidikan adalah perlu dan penting bagi guru untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan. Adakah anda bersetuju dengan kenyataan tersebut? Berikan alasan-alasan konkret untuk menyokong pendapat anda.

[ 20 markah ]

3. Bincangkan dengan ringkas apa yang anda faham tentang konsep-konsep berikut:

- [a] Pendidikan
- [b] Pembelajaran
- [c] Pengajaran
- [d] Penilaian

[ 20 markah ]

... 2/-

4. Tuliskan nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut yang perlu ada dalam sesuatu pengajaran.

- [a] Induksi Set
- [b] Alat Bantu Mengajar
- [c] Aktiviti Pengajaran
- [d] Penutup

[20 markah]

5. Bincangkan dengan ringkas empat tanggungjawab guru yang terkandung dalam Tatasusila Profesional Perguruan Malaysia.

[20 markah]

ooooooo